

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 November 2015

Kehadiran Tun M bawa pengertian pada parti

KEPALA BATAS 29 Nov.

Kesediaan bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2015 bulan depan dijangka membawa pengertian besar terhadap kesatuan parti itu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, jemputan yang dibuat parti kepada Dr. Mahathir juga wajar walaupun terdapat perbezaan pendapat membabitkan bekas Perdana Menteri berkenaan dengan kepemimpinan hari ini.

Reezal Merican yang juga Timbalan Menteri Luar berkata, sudah menjadi tradisi di dalam UMNO menghormati bekas pemimpin yang telah banyak memberi sumbangan kepada parti tersebut.

"Sekiranya Dr. Mahathir tidak dijemput, perkara itu sesuatu yang janggal kerana beliau telah memimpin parti selama 22 tahun, begitu juga dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan bantuan peialatan pemiagaan program IZAM kepada 41 penerima di kawasan Parlimen ini di sini hari ini.

Sebelum ini, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengesahkan Dr. Mahathir tetap dijemput menghadiri perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2015 yang akan berlangsung bulandepan.

Mengulas lanjut, Reezal Merican berkata, walaupun ketika ini tunbul perbezaan pendapat membabitkan Dr. Mahathir dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, namun itu bukan halangan untuk melihat ahli-ahli UMNO terus bersatu hati.

Jelas beliau, mesldpun menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri yang kerap menerima kritikan, namun Najib teibuka terhadap perkaia itu.

"Perkara yang harus difahami ialah perbezaan pendapat yang wujud tidak harus menjejaskan kesatuan dalam parti dan dalam kalangan ahli-ahli," katanya.